

Suruhanjaya Diraja tak perlu ditubuh

BH-8/7/2006

Kes dakwaan Tajudin sudah dibawa ke mahkamah: Najib

Oleh Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Diraja tidak perlu ditubuhkan bagi menyasiat dakwaan bekas Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajudin Ramli, yang beliau diminta membeli saham MAS pada 1994 oleh Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Daim Zainuddin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata perkara itu sudah dibawa ke mahkamah dan sebarang ulasan terhadap kes itu adalah subjudis.

"Malahan, saya tidak sepatutnya menyatakan apa yang saya katakan semalam (kelmarin) dan ia juga kes mahkamah. Saya fikir tidak terdapat keperluan untuk ditubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi menyasiat perkara itu," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pengisytiharan Sambutan 50 Tahun Fel-da di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas saranan Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang yang meminta Suruhanjaya Diraja ditubuh bagi menyasiat dakwaan itu.

Kelmarin di Dewan Rakyat, Kit Siang mendakwa Daim memperdayakan Parlimen dan negara pada 21 Mac 2001 apabila membuat beberapa dakwaan palsu berhubung pembelian saham MAS oleh kerajaan.

Kelmarin, ketika ditanya perkara sama, Najib berkata, beliau tidak mengetahui dan menyedari mengenai

dakwaan Tajudin itu.

Pada 29 Jun lalu, Tajudin mengemukakan saman balas RM13.46 bilion terhadap saman RM589 juta oleh Danaharta mengenai pembelian 32 peratus saham MAS pada 1994 dan menjualnya semula kepada kerajaan pada harga RM1.8 bilion atau RM8 sesaham pada 2000.

Harga saham RM8 itu adalah RM4.32 atau 117 peratus lebih tinggi berbanding harga pasaran saham MAS ketika itu iaitu RM3.68.

Tajudin mendakwa beliau dipaksa melakukan 'khidmat negara' dengan mengambil alih 32 peratus kepentingan penguasaan Bank Negara dalam syarikat penerbangan kebangsaan itu pada RM8 sesaham pada 1994.

Dalam saman itu, Tajudin mendakwa jaminan diberikan Dr Mahathir bahawa beliau (Tajudin) tidak akan 'rugi' dalam urusan niaga itu.

Tajudin mengambil pinjaman peribadi RM1.8 bilion untuk membiayai pembelian kepentingan itu dan mengikrarkan syarikatnya, Naluri dan Technology Resources Industries (TRI), sebagai cagaran.

Ketika krisis kewangan Asia 1997, Danaharta, agensi penyusunan semula hutang, mengambil alih syarikatnya yang dibebani hutang, manakala Celcom milik TRI bergabung dengan Telekom Malaysia.

Kerajaan kemudian membeli semula kepentingan Tajudin di dalam MAS untuk RM8 sesaham, sunggupun harga pasaran sekitar RM3.60.



BERKAT KEGIGHAN: Penerima Anugerah Perintis Fel-da, Abdul Rahman Husin, 81, bersama isteri Shariah Sapor, 58, menunjukkan anugerah diterima sempena Majlis Pengisytiharan Sambutan 50 Tahun Fel-da, semalam.